

15/07/2000

PSM gagal laksanakan ujian air kencing

JANJI Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) untuk melaksanakan ujian air kencing dalam Grand Prix (GP) Kebangsaan musim ini sekadar manis di bibir saja.

Hakikatnya, tiada sebarang ujian rambang diadakan dalam Terbuka Johor - GP sulung musim ini - yang sedang berlangsung di Dewan Bola Keranjang, Segamat.

Menurut seorang ahli majlis PSM, kegagalan itu jelas menerbitkan persoalan kerana ujian itu dilaksanakan dalam Piala Emas Khir Johari di Kelantan bulan lalu.

"Saya tidak tahu mengapa PSM tidak meneruskan ujian itu dalam Terbuka Johor. Namun, saya difahamkan masih terdapat beberapa masalah yang belum diatasi di peringkat jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan melaksanakan ujian itu.

"Apapun alasan PSM, kegagalan itu jelas menimbulkan tanda tanya dan harus menjejaskan reputasi GP dan PSM sendiri yang tidak konsisten dalam sebarang tindakan terutama menangani dan membanteras penyalahgunaan bahan larangan," katanya semalam.

Selepas mutu serta tahap GP yang diperkenalkan sejak 1994 masih belum diatasi, pertandingan utama itu menerima tamparan hebat musim lalu apabila terdapat dakwaan bahawa segelintir pemain yang beraksi menggunakan ganja.

Penggunaan bahan larangan yang lebih di kenali `ubat kuat' di kalangan pemain kerana mampu membantu pemain menampilkan aksi terbaik dan menangani tekanan pertandingan.

PSM yang tidak menafikan gejala itu berlaku bagaimanapun berjanji untuk mengadakan ujian itu musim ini sebagaimana yang terkandung dalam peraturan pertandingan.

Apatah lagi, mereka membuka pekung di dada kerana mengakui sepanjang enam tahun pertandingan itu dilaksanakan, ujian air kencing hanya diadakan sekali iaitu di Terbuka Negeri Sembilan pada 1997.

Setiausaha Pertandingan PSM, Mahathir Mohamad ketika diminta mengulas mengenai kegagalan itu bagaimanapun memberi alasan kekurangan kemudahan, ujian itu tidak dapat dilaksanakan.

"Kami akan mengadakan ujian itu di sirkit kedua di Kuala Terengganu yang dijadualkan 24 Julai ini," katanya.

(END)